

KENYATAAN MEDIA
LARIAN KESELAMATAN JALAN RAYA (ROSRUN)
PUTRAJAYA
18 OKTOBER 2017

ACARA LARIAN KESELAMATAN JALAN RAYA YANG PERTAMA DI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 18 OKTOBER 2017: Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan UBER Sdn Bhd akan menganjurkan larian yang bertemakan keselamatan jalan raya yang pertama di Malaysia. Acara ini akan diadakan di Pullman Putrajaya Lakeside pada hari Ahad, 12 November 2017.

Larian Keselamatan Jalan Raya (*'Road Safety Run'*) atau singkatannya ROSRUN, diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung isu-isu keselamatan jalan raya di Malaysia. Larian yang berkonsepkan *'Fun Run'* ini akan mempromosikan mesej-mesej keselamatan jalan raya dikalangan pelari. Pengerusi MIROS, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, aspek keselamatan jalan raya akan dititikberatkan dalam penganjuran acara ini. Acara ini juga diadakan sempena ulangtahun penubuhan MIROS yang ke-10.

Terdapat 2 kategori larian yang ditawarkan. Peserta boleh memilih sama ada untuk menyertai kategori 3KM atau 10KM. Bagi kategori 3KM, ianya dinamakan sebagai Larian Peka (*'Alert Run'*) untuk mempromosi tingkah laku pengguna jalan raya supaya sentiasa kekal peka semasa menggunakan jalan raya. Manakala kategori 10KM pula, ianya dinamakan sebagai Larian Selamat (*'Run Safe'*) bagi mempromosi tingkahlaku yang selamat semasa berada di jalan raya. Menurut Pemangku Ketua Pengarah MIROS, Dr. Siti Zaharah Ishak, aspek peka dan selamat menjadi tema pilihan pada penganjuran kali ini kerana kecuaiannya pengguna sering menjadi punca utama kemalangan jalan raya. "Saban tahun, statistik kemalangan jalan raya yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia menunjukkan lebih 80% kemalangan jalan raya berlaku akibat kecuaiannya

UNTUK EDARAN SEGERA

pengguna. Oleh itu, adalah diharapkan acara larian ini dapat meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan untuk sentiasa kekal peka dan selamat ketika di jalan raya," kata Dr. Siti Zaharah.

Selaras dengan tema yang dipilih, peserta larian 3KM akan memakai baju larian khas yang berwarna oren (jingga) manakala peserta larian 10KM akan memakai baju larian berwarna hijau. Petugas-petugas rasmi acara pula akan memakai baju yang berwarna merah. Secara keseluruhannya, ianya akan menyerupai warna-warna yang terdapat pada lampu isyarat. Ini juga merupakan simbolik kepada satu lagi mesej keselamatan jalan raya iaitu mematuhi lampu isyarat. Pelepasan larian akan dilaksanakan mengikut gelombang warna, yang mana akan dimulakan dengan warna hijau dan diikuti warna oren.

Antara pihak-pihak penaja dan rakan kerjasama yang turut sama menjayakan penganjuran 'ROSRUN 2017' ini adalah UBER selaku penaja utama dan rakan rasmi perkongsian perjalanan, Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) selaku penaja platinum, Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM), Pullman Putrajaya Lakeside dan PROTON Holdings Berhad selaku penaja emas, Sani Ekspres selaku penaja perak dan Ekspres Mutiara, SCANIA dan RedBull selaku penaja gangsa. Ultron pula telah dipilih sebagai rakan rasmi pakaian dan NM Galaxy Sdn Bhd selaku rakan teknikal penganjuran.

Orang ramai juga boleh mengambil bahagian dalam senam robik untuk sesi pemanas badan sebelum larian dan Zumba selepas larian. Selain larian, pelbagai acara lain akan turut diadakan termasuk pameran dan aktiviti senaman. Hadiah utama yang ditawarkan berupa Apple iPhone X dan hadiah-hadiah penaja lain melalui acara cabutan bertuah yang akan diadakan.

Pendaftaran masih dibuka sehingga 31 Oktober 2017 melalui laman web www.miros.gov.my/rosrun. Sesiapa yang memerlukan maklumat lanjut boleh menghubungi urusetia larian, En. Hizal Hanis Hashim di talian 03 – 8924 9200.

##